

## Pelaksanaan Organisasi Dan Aktiviti Islam Hadhari Di Jabatan Kemajuan Islam Malaysia (JAKIM) : Satu Pengamatan Awal

Abd. Ghafar Surip<sup>a\*</sup>, Badlihisam Mohd Nasir<sup>b</sup>, Ahmad Syukran Baharuddin<sup>b</sup>

<sup>a</sup>Jabatan Dakwah dan Pengajian Islam, Fakulti Pengajian Islam, Universiti Kebangsaan Malaysia, 43600 UKM Bangi, Selangor, Malaysia

<sup>b</sup>Fakulti Tamadun Islam, Universiti Teknologi Malaysia, 81310 UTM Johor Bahru, Johor, Malaysia

\*Corresponding author: ghafar@jakim.gov.my

### Abstract

Islam Hadhari is another policy implemented after the adaptation of 'Islamic Values' introduced by Prime Minister Abdullah Badawi post-election of 2004 General Election in Malaysia. It is a comprehensive approach to human development, society and state of Malaysia based on the perspective of Islamic civilization. In order to achieve these goals, the government outlines 10 fundamental principles that are considered suitable to be implemented in the context of Malaysia. Since the launch of Islam Hadhari, the government has been working hard to promote and implement Islam Hadhari over the globe. As for this purpose, JAKIM as federal level religious institution was entrusted to coordinate all activities related to the implementation of Islam Hadhari in Malaysia. This article attempts to examine the development of the organization and generally evaluate the implementation of an organizational structure in JAKIM especially in mobilizing Islamic Hadhari which the establishment has covered both, the federal and state levels. However, there are still some problems due to the organization of Islam Hadhari is basically in deficient compared to other organizations with the addition of the engagement under other existing organization, whether either at the federal or state level. This situation led to the failure to achieve the goals set by the activities. Thus, it is nothing more than a political rhetoric to repeat the routine activities in the form of lectures and publications than specific activities to build a glorious generation.

*Keyword:* Islam Hadhari, JAKIM, Government of Malaysia, religious activity, politics

### Abstrak

Islam hadhari adalah satu lagi polisi Islam yang ditubuhkan setelah penerapan nilai-nilai Islam yang diperkenalkan oleh Perdana Menteri Abdullah Badawi setelah memenangi Pilihanraya Umum 2004 di Malaysia. Ia adalah suatu pendekatan menyeluruh kepada pembangunan manusia, masyarakat dan negara Malaysia berdasarkan kepada perpektif ketamadunan Islam. Bagi menjayakan matlamat tersebut, kerajaan menggariskan 10 prinsip asas yang dianggap sesuai dilaksanakan dalam konteks Malaysia. Sejak pelancaran Islam Hadhari ini kerajaan telah berusaha keras untuk mempromosikan dan melaksanakan aktiviti Islam Hadhari ini ke seluruh negara. Bagi tujuan ini, JAKIM sebagai agensi agama di Peringkat Persekutuan telah diamanahkan untuk menyelaraskan keseluruhan aktiviti berkaitan pelaksanaan Islam Hadhari di Malaysia. Artikel ini cuba melakukan pengamatan terhadap pembangunan organisasi dan umumnya menilai pelaksanaan struktur organisasi di JAKIM dalam usaha menggerakkan Islam Hadhari yang dibentuknya telah meliputi kedua-dua peringkat iaitu persekutuan dan negeri. Walaubagaimanapun masih terdapat beberapa masalah kerana organisasi Islam Hadhari pada asasnya berada dalam keadaan rendah berbanding organisasi lain di samping ia sekadar menumpang di organisasi di organisasi sedia ada samada samada di peringkat persekutuan mahupun negeri. Ini menyebabkan pelaksanaan aktiviti tidak dapat mencapai matlamat yang ditetapkan. Justeru, ia tidak lebih dari retorik politik yang mengulangi aktiviti rutin dalam bentuk ceramah dan penerbitan risalah berbanding aktiviti khusus membina generasi yang gemilang.

*Keyword:* Islam Hadhari, JAKIM, Kerajaan Malaysia, aktiviti keagamaan, politik

© 2016 Penerbit UTM Press. All rights reserved

### 1.0 PENGENALAN

Islam Hadhari yang telah dilancarkan secara rasminya oleh Perdana Menteri Malaysia Y.A.B Dato Seri Abdullah Hj Ahmad Badawi ketika perhimpunan Agong UMNO ke 55 pada 23 September 2004 telah dijadikan program rasmi kerajaan sejak awal Jan 2005. Secara ringkas, Islam Hadhari adalah suatu pendekatan pembangunan manusia, masyarakat dan negara Malaysia yang bersifat menyeluruh berdasarkan kepada perspektif tamadun Islam. Bagi menjayakan matlamat tersebut kerajaan menggariskan 10 prinsip asas yang dianggap sesuai dilaksanakan dalam konteks Malaysia (JAKIM Buku Pan. 2005 h.9-18). Sejak pelancaran Islam Hadhari ini kerajaan telah berusaha keras untuk mempromosikan dan melaksanakan aktiviti Islam Hadhari ini keseluruh negara. Bagi tujuan ini, JAKIM sebagai agensi agama di Peringkat Persekutuan telah diamanahkan untuk menyelaraskan keseluruhan aktiviti berkaitan pelaksanaan Islam Hadhari di Malaysia ini. Berasaskan senario di atas, kertaskerja ini cuba melakukan pengamatan awal terhadap pembangunan organisasi dan aktiviti Islam Hadhari yang dilaksanakan oleh JAKIM. Ini penting sebagai satu usaha untuk meninjau sejauhmanakah objektif gagasan Islam Hadhari yang diasaskan berdasarkan konsep ketamadunan ini dapat dilaksana dan dicapai oleh badan kerajaan itu sendiri.

## ■2.0 SOROTAN DAN DAPATAN KAJIAN

### Pelaksanaan Organisasi Islam Hadhari

Organisasi Islam Hadhari diwujudkan oleh JAKIM bertujuan untuk mengerakkan aktiviti Program Islam Hadhari di semua peringkat secara teratur dan berkesan seperti yang dirancang. Pada asasnya JAKIM telah mewujudkan tiga peringkat Jawatankuasa bagi melaksanakan aktiviti Islam Hadhari di negara ini. Pertama, Jawatankuasa Islam Hadhari Peringkat Persekutuan, Kedua; Jawatankuasa Islam Hadhari Peringkat Negeri dan Ketiga; Jawatankuasa Islam Hadhari Peringkat Dalam di JAKIM. Bagi Peringkat Persekutuan antara Jawatankuasanya ialah; Jawatankuasa Penyelarasan Pelaksanaan Islam Hadhari Peringkat Tertinggi/Induk, Jawatankuasa Penyelarasan Pelaksanaan Islam Hadhari Peringkat Kebangsaan dan Jawatankuasa Penyelarasan Pelaksanaan Islam Hadhari Peringkat Agensi Kerajaan. Bagi Peringkat Negeri Jawatankuasa ini dipanggil Jawatankuasa Penyelarasan Islam Hadhari Peringkat Negeri. Manakala Jawatankuasa Peringkat Dalam ialah Sekretariat Islam Hadhari JAKIM di Cawangan Islam Hadhari dan Penerapan Nilai Islam JAKIM. Penubuhan Jawatankuasa-jawatankuasa ini telah dipersetujui melalui Mesyuarat Majlis Hal Ehwal Islam (MKI) pada 8 Febuari 2005 (JAKIM Mes. MKI Bil 44, 2005, h.4) Untuk lebih memahami fungsi Jawatankuasa-Jawatankuasa ini sewajarnya kita melihat secara detail peranan yang dimainkan oleh jawatankuasa-jawatankuasa tersebut;

### Jawatankuasa Peringkat Persekutuan

Jawatankuasa Islam Hadhari peringkat Persekutuan adalah terdiri daripada Jawatankuasa Perancangan Islam Hadhari Peringkat Tertinggi/Induk, Jawatankuasa Pelaksanaan Islam Hadhari Peringkat Kebangsaan dan Jawatankuasa Penyelarasan Pelaksanaan Islam Hadhari Peringkat Antara Agensi Kerajaan. Huraian berkaitan peranan dan fungsinya adalah seperti berikut;

#### 1. *Jawatankuasa Perancangan Islam Hadhari Peringkat Tertinggi atau Jawatankuasa Induk*

Jawatankuasa Islam Hadhari Peringkat Tertinggi ialah Majlis Bagi Hal Ehwal Islam Malaysia (MKI). Jawatankuasa ini dipengerusikan oleh YAB Perdana Menteri dan dianggotai oleh Menteri besar/Ketua Menteri dan ahli-ahli yang dilantik. Walaubagaimanapun Jawatankuasa ini hanya dianggotai oleh Menteri-Menteri Besar dan Ketua Menteri bagi negeri-negeri di bawah pentadbiran Kerajaan Barisan Nasional (BN). Ini bermakna Jawatankuasa ini diwakili oleh semua negeri-negeri di Malaysia kecuali Kelantan yang diperintah oleh Parti Islam Se-Malaysia (PAS). Bagi negeri-negeri yang Menteri Besar dan Ketua Menterinya bukan beragama Islam seperti Pulau Pinang ia diwakili oleh salah seorang wakil rakyat dari negeri berkenaan yang beragama Islam ( JAKIM Mes. MKI Bil 44, 2005, h.1-3 ).

Jawatankuasa ini berfungsi menentukan pelaksanaan peringkat dasar dan sekaligus sebagai badan penilai pelaksanaan program peringkat tertinggi. Mekanisme pelaksanaannya ialah ia diadakan ketika adanya mesyuarat Majlis Kebangsaan Hal Ehwal Islam Malaysia (MKI) di mana agenda Islam Hadhari akan dijadikan agenda tetap. Perbincangan dalam MKI ini akan dilakukan dua kali setahun. Jawatankuasa ini akan diurusetiaikan oleh JAKIM (JAKIM Per. MKI, 2003 h. 3)

#### 2. *Jawatankuasa Pelaksanaan Islam Hadhari Peringkat Kebangsaan*

Jawatankuasa Penyelarasan Pelaksanaan Islam Hadhari Peringkat Kebangsaan dipengerusikan oleh Y.B Menteri Di Jabatan Perdana Menteri, yang memegang portfolio urusan agama dan ahli-ahlinya terdiri dari Ketua Setiausaha-Ketua Setiausaha Kementerian-Kementerian di Malaysia. Beberapa kementerian kanan telah terlibat menganggotai jawatankuasa ini seperti Kementerian Pelajaran, Kementerian Pertahanan, Kementerian Pengajian Tinggi, Kementerian Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat, Kementerian Pertanian dan Industri Asas Tani, Kementerian Kewangan, Kementerian Keselamatan Dalam Negeri dan beberapa Kementerian yang lain. Ahli-ahli Jawatankuasa Penyelarasan Pelaksanaan Islam Hadhari Peringkat Kebangsaan ini dilantik oleh Menteri di Jabatan Perdana Menteri, berdasarkan tanggungjawab secara langsung dengan kementerian masing-masing. (JAKIM Mes. JPIHPK Bil 1, 2005, h.4 )

Diantara bidang tugas dan tanggungjawab Jawatankusa ini adalah seperti berikut;

- i. Memastikan wujud kefahaman mengenai konsep Islam Hadhari di kalangan kakitangan awam setiap kementerian.
- ii. Merancang dan melaksanakan pengisian gagasan Islam Hadhari khususnya di peringkat Kementerian, berdasarkan prinsip-prinsip yang telah ditetapkan.
- iii. Menyelaras dan memantau pelaksanaan Islam Hadhari di peringkat kementerian.
- iv. Membuat laporan tahap pelaksanaan Islam Hadhari untuk dilaporkan dalam mesyuarat Jawatankuasa Penyelarasan Pelaksanaan Islam Hadhari Peringkat Kebangsaan yang diurusetiaikan oleh JAKIM, dan seterusnya dilaporkan dalam mesyuarat-mesyuarat berkenaan di peringkat yang lebih tinggi (JAKIM Mes. JPIHPK Bil 1, 2005, h.7)

Sebagai memastikan pelaksanaan Jawatankuasa ini berjalan dengan lancar maka urusetia (JAKIM) telah menetapkan Jawatankuasa ini perlu mengadakan mesyuarat sebanyak dua kali setahun. Dalam mesyuarat agenda tetap yang akan dibincangkan antaranya ialah perkara-perkara yang berbangkit dalam pelaksanaan Islam Hadhari, menimbang kertas-kertas cadangan pelaksanaan Islam Hadhari di peringkat kementerian dan juga laporan pelaksanaan Islam Hadhari di peringkat kementerian-kementerian dari masa ke semasa (JAKIM Mes. JPIHPK Bil 1, 2005, h. 8)

Tujuan JAKIM mewujudkan Jawatankuasa Islam Hadhari di peringkat Kementerian-Kementerian ini ialah untuk memperluaskan skop pelaksanaan Islam Hadhari di semua peringkat agensi kerajaan di Malaysia. Di samping itu dengan penglibatan kementerian-kementerian di Malaysia dengan program Islam Hadhari ini, dengan sendirinya ia akan memudahkan lagi pelaksanaan Islam Hadhari di semua peringkat agensi di negara ini.

### 3. *Jawatankuasa Penyelarasan Pelaksanaan Islam Hadhari Peringkat Antara Agensi Kerajaan*

Jawatankuasa Penyelarasan Penerangan Peringkat Antara Agensi Kerajaan dipengerusikan oleh Ketua Pengarah Jabatan Kemajuan Islam Malaysia (JAKIM). Ia dianggotai oleh Jabatan Hal Ehwal Khas (JASA), Pejabat Penasihat Agama YAB Perdana Menteri Jabatan Perdana Menteri (JPM), Yayasan Dakwah Islam Malaysia (YADIM), Institut Kefahaman Islam Malaysia (IKIM), Jabatan Pendidikan Islam dan Moral (JAPIM) Kementerian Pelajaran Malaysia, Jabatan Pendidikan Tinggi (JPT) dan Kor Agama Angkatan Tentera Malaysia (KAGAT). Jawatankuasa ini diurussetiakan oleh JAKIM. Antara tugas penting Jawatankuasa ini ialah; (JAKIM Mes. MKI Bil 44, 2005, h. 11)

- i. Mengadakan penjelasan tugas dan pelaksanaan penerangan konsep Islam Hadhari antara agensi kerajaan
- ii. Menerima dan mengkaji laporan-laporan pelaksanaan Islam Hadhari peringkat agensi kerajaan
- iii. Menyemak dan meluluskan apa-apa modul ceramah yang berkaitan dengan Islam Hadhari peringkat agensi kerajaan; dan
- iv. Memperakukan apa-apa bahan rujukan berkaitan.

Untuk tujuan tersebut Mesyuarat MKI pada 8 Febuari 2005 telah memberikan pembahagian tugas penerangan Konsep Islam Hadhari berdasarkan pembahagian berikut; (JAKIM Mes. MKI Bil 44, 2005 h. 12)

- i. JAKIM untuk Kakitangan Kerajaan
- ii. Pejabat Penasihat Agama Perdana Menteri untuk Sektor Swasta.
- iii. Jabatan Hal Ehwal Khas (JASA) bagi pertubuhan politik,
- iv. Yayasan Dakwah Islamiah Malaysia (YADIM) pertubuhan Bukan Kerajaan.
- v. Institut Kefahaman Islam Malaysia (IKIM) Masyarakat bukan Islam,
- vi. Jabatan Pendidikan Islam Dan Moral (JAPIM) Kementerian Pelajaran bagi Sekolah-Sekolah dan;
- vii. Jabatan Pendidikan Tinggi (JPT) bagi IPTA dan IPTS dan;
- viii. KAGAT untuk Warga tentera.

Ketiga-tiga Jawatankuasa di Peringkat Pusat yang dibincangkan di atas pada asasnya hanya ditubuhkan melalui Mesyuarat Kebangsaan Hal Ehwal Islam Malaysia (MKI). Melihat kepada kedudukan penubuhan Jawatankuasa di Peringkat Pusat ini ia sebenarnya dalam kedudukan yang tidak kukuh. Ditambah pula pelaksanaan Islam Hadhari ini sendiri tidak pernah dibentangkan dan dibincangkan secara resmi di Parlimen dan peringkat Mesyuarat Jama'ah Menteri Malaysia (Kabinet Malaysia). Bagi memperkuat pelaksanaan Islam Hadhari khususnya di Peringkat Kebangsaan ini JAKIM melalui Ketua Setiausaha Negara (KSN) telah memberikan surat arahan kepada Kementerian untuk melaksanakan aktiviti ini di peringkat kementerian. (Nordin Ibrahim, Temubual 8. Mac 2005).

### 4. *Jawatankuasa Pelaksanaan Peringkat Negeri*

Bagi pelaksanaan Islam Hadhari peringkat negeri ia hanya diselaraskan oleh satu Jawatankuasa sahaja iaitu dipanggil sebagai Jawatankuasa Penyelarasan Pelaksanaan Islam Hadhari Peringkat Negeri. Perbincangan lanjut berkaitan Jawatankuasa ini adalah seperti berikut;

#### a. *Jawatankuasa Penyelarasan Pelaksanaan Islam Hadhari Peringkat Negeri*

Jawatankuasa ini dipengerusikan oleh Exco Agama dan dianggotai oleh Ketua-Ketua Jabatan diperingkat negeri seperti Majlis Daerah, Pejabat Kebudayaan dan Kesenian Negeri dan wakil-wakil daripada pihak NGOs. Jawatankuasa ini diurussetiakan oleh Jabatan Agama Islam Negeri-Negeri (JAKIM Mes. JPIHPN Bil 1, 2005, h. 5-6). Di sudut perlantikan Ahli-Ahli Jawatankuasa Pelaksanaan Islam Hadhari Peringkat Negeri, mereka dilantik oleh Menteri Besar/Ketua Menteri.

Diantara bidang tugas dan tanggungjawab Jawatankuasa yang dilantik ini ialah;

- i. Mengariskan strategi pelaksanaan Islam Hadhari diperingkat Negeri.
- ii. Merancang dan menyelaras pelaksanaan Islam Hadhari di peringkat negeri masing-masing, berdasarkan prinsip dan bidang yang telah ditetapkan
- iii. Menyelaras penjelasan Islam Hadhari di peringkat negeri yang dilaksanakan oleh JASA, YADIM, IKIM dan lain-lain.
- iv. Menyediakan laporan kemajuan pelaksanaan Islam Hadhari di peringkat negeri.
- v. Menyediakan pasukan penceramah yang terlatih bagi negeri-negeri berkenaan.

Bagi memastikan Jawatankuasa ini dapat menjalankan tugas dengan berkesan maka Jawatankuasa Islam Hadhari Peringkat Negeri ini akan menjalankan mesyuaratnya sebanyak dua kali setahun. Perbincangan akan memberi fokus terhadap aspek laporan, menimbang kertas-kertas cadangan dan perkara berbangkit.

Hingga setakat ini, pelaksanaan penubuhan Jawatankuasa Islam Hadhari di peringkat negeri telah dilakukan di beberapa negeri antaranya negeri Melaka dan Terengganu. Penubuhan Jawatankuasa Islam Hadhari peringkat negeri yang unitnya diwujudkan di Jabatan Agama Islam (JAIN) Negeri-Negeri pada dasarnya sekadar mematuhi arahan JAKIM yang meminta Jawatankuasa Islam Hadhari ini diwujudkan di peringkat negeri-negeri di seluruh Malaysia.

Walaupun bagaimanapun sekiranya diteliti kewujudan Jawatankuasa Islam Hadhari di peringkat negeri ini tidak mempunyai kekuatan sebenar untuk melaksanakan program Islam Hadhari seperti yang dikehendaki. Ini kerana penubuhan Jawatankuasa di peringkat negeri juga tidak pernah dibincangkan di Dewan Undangan Negeri (DUN) untuk kelulusan walaupun kuasa berkaitan agama

sememangnya berada di tangan negeri. Keadaan yang sama turut berlaku Di negeri Terengganu yang sewajarnya memperuntukan ruang perundangan berkaitan pelaksanaan Islam Hadhari samada dalam bentuk Enakmen atau sebagainya di peringkat negeri Terengganu demi menunaikan janji Manifesto ketika Pilihanraya ke 11 Tahun 2004 iaitu Islam Hadhari Terengganu Bistari (Nordin Ibrahim, KPP Temubual, pada 8 Mac 2005) Keadaan ini berbeza sama sekali apabila kerajaan berusaha untuk mengemaskinikan Pentadbiran Agama Islam Negeri-Negeri termasuk kawalan terhadap Sekolah-Sekolah Agama Rakyat (SAR) dan Ma'had Tahfiz di seluruh negara di mana semua kerajaan negeri telah berjaya membuat pembentangan Rang Undang-Undang berkenaan dengan jayanya.

Apa yang berlaku ialah Jawatankuasa yang ditubuhkan di kebanyakan negeri hanya dibuat secara ad-hoc dan hanya dipengerusikan oleh Exco Agama atau wakilnya. Sekadar sebagai contoh, Jawatankuasa Islam Hadhari di peringkat Negeri Melaka Jawatankuasa ini dipengerusikan oleh Timbalan Pengerusi Jawatankuasa Agama Negeri iaitu YB Tuan haji Abdul Wahab Abdul Latip. Penasihatnya ialah Y.B Setiausaha Kerajaan Negeri Melaka. Manakala Y.A.B Ketua Menteri Melaka pula diletakkan sebagai Penaung. Ia diurussetiakan oleh Jabatan Agama Islam Negeri Melaka (JAIM). Keanggotaan Jawatankuasa ini adalah terbatas kepada organisasi tertentu seperti JASA Negeri, Jabatan Pendidikan Negeri, Jabatan Penyiaran, Jabatan Belia, Jabatan Mufti Kerajaan Negeri Melaka dan tidak melibatkan agensi lain seperti Majlis Daerah sebagai pihak kerajaan tempatan, Jabatan Tanah Dan Galian Negeri, Jabatan Kesenian, Kebudayaan dan Pelancongan Negeri, Jabatan Pertanian Negeri dan lain-lain agensi yang difikirkan boleh membantu pembinaan aspek tamadun di peringkat negeri ( JAIM Mes. JPIHNM Bil 1, 2005, h. 4). Pewujudan Jawatankuasa ini ini agak berbeza sebagaimana arahan yang telah dikeluarkan oleh JAKIM.

Sewajarnya Jawatankuasa ini hendaklah dipengerusikan oleh Y.A.B Ketua Menteri sendiri di mana dikebanyakan negeri Menteri Besar atau Ketua Menteri adalah juga merangkap Pengerusi Hal Ehwal Agama Islam Negeri. Sebagai peneraju Islam Hadhari di Peringkat Negeri ia akan memudahkan pihak Menteri Besar/Ketua Menteri memberikan arahan segala yang berkaitan dengan Islam Hadhari kepada seluruh agensi dan jabatan lain di peringkat negeri. Ini kerana Menteri Besar adalah Ketua Kerajaan Dan Pentadbir Negeri yang arahnya akan didengar dan dipatuhi. Keadaan ini agak sukar dilakukan sekiranya ia hanya di ketuai oleh mereka yang sekadar memegang taraf Timbalan Pengerusi Hal Ehwal Agama Islam Negeri tanpa kuasa eksekutif dalam pentadbiran di peringkat negeri. Keadaan ini tidak memungkinkan beliau mampu memberikan arahan kepada agensi-agensi lain selain Jabatan Agama Islam sahaja.

#### *b. Jawatankuasa Dalaman JAKIM*

Organisasi Dalaman JAKIM ini diwujudkan sifatnya adalah untuk menjadi urusetia kepada seluruh Jawatankuasa yang diwujudkan oleh JAKIM bagi menjalankan aktiviti Islam Hadhari di seluruh negara. Urusetia dalaman JAKIM ialah Urusetia Islam Hadhari JAKIM melalui Cawangan Islam Hadhari Dan Penerapan Nilai Islam JAKIM. Perbincangan lanjutnya adalah seperti berikut;

#### *c. Urusetia Islam Hadhari JAKIM*

Bagi urusan pengurusetiaan Program Islam Hadhari Malaysia JAKIM telah menyelaraskan seluruh aktiviti melalui Cawangan Islam Hadhari dan Penerapan Nilai-Nilai Islam di Bahagian Dakwah JAKIM. Cawangan ini telah ditubuhkan pada 25 Feb 2005 dengan kelulusan Jabatan Perkhidmatan Awam Malaysia (JPA) (Akauntan Negara Malaysia, 2005, h.1). Sebelum wujudnya Cawangan Islam Hadhari ini segala operasi berkaitan Islam Hadhari ini dilaksanakan oleh Sekretariat Islam Hadhari di bahagian Dakwah JAKIM. (JAKIM, 2004, h, 2)

Antara fungsi penting cawangan ini ialah menyelaraskan dan mengurussetiakan segala aktiviti Islam Hadhari Malaysia termasuk merancang, melaksana, menyelia dan membuat penilaian perjalanan Program Islam Hadhari. Antara tugas berat urusetia ini ialah mengerakkan perjalanan empat (4) Jawatankuasa yang dibentuk iaitu Jawatankuasa Tertinggi/Induk Islam Hadhari, Jawatankuasa Islam Hadhari Peringkat Kebangsaan, Jawatankuasa Islam Hadhari Peringkat Negeri dan Jawatankuasa Penyelarasan Pelaksanaan Peringkat Antara Agensi Kerajaan Begitu juga JAKIM turut berperanan menjalankan aktiviti Penerangan Konsep Islam Hadhari kepada kaki tangan kerajaan sebagaimana yang telah diarahkan. Selain itu Cawangan Islam Hadhari JAKIM turut dipertanggungjawabkan dalam mengeluarkan bahan-bahan penerbitan berkaitan Islam Hadhari seperti modul, kurikulum, buku-buku rujukan asas dan risalah-risalah berkaitan Islam Hadhari di samping tugas yang lain (JAKIM Lap. Suku Tahun, 2005,h.1-4)

Cawangan Islam Hadhari dan Penerapan Nilai-Nilai Islam JAKIM ini telah diketuai oleh seorang pegawai S 52 bertaraf Ketua Penolong Pengarah dan dibantu oleh tiga (3) pegawai Hal Ehwal Islam S 48, tiga (3) Pegawai Hal Ehwal Islam S 44, tiga (3) Pegawai Hal Ehwal Islam S 41 dan beberapa kakitangan sokongan. Untuk memperkemas operasi Program Islam Hadhari ini cawangan ini telah dibahagikan kepada empat (4) unit iaitu Unit Perancangan Dan Pemantauan, Unit Pengurusan Kursus, Modul Dan Kurikulum, Unit Penerapan Nilai-Nilai Islam dan Unit Khidmat Sokongan (Akauntan Negara Malaysia, 2005, h. 2)

Melihat kepada struktur organisasi yang ada di cawangan ini ia bukanlah satu cawangan yang besar dibandingkan dengan beban tugas dan harapan masyarakat terhadap program Islam Hadhari yang sedang dipromosikan oleh kerajaan. Begitu juga kedudukannya hanya menjadi sebahagian daripada cawangan di Bahagian dakwah JAKIM tidak memungkinkan ia dapat bergerak dengan lebih profesional dan berkesan. Keadaan ini hanya akan menyempitkan ruang lingkup bidangkuasa aktiviti Islam Hadhari yang akhirnya akan dilihat sebagai kegiatan dakwah semata-mata.

Untuk mengatasi masalah berkenaan dan seterusnya bertujuan memantapkan pelaksanaan Program Islam Hadhari ini JAKIM juga telah menggunakan kekuatan organisasi dalaman sedia ada seperti Bahagian Keluarga Sosial dan Masjid (KESUMA), Bahagian Latihan termasuk Institut-Institut Latihannya, Bahagian Penyelidikan, Bahagian Media Elektronik dan Penyiaran, Bahagian Penerbitan, Bahagian Perkhidmatan ICT, Bahagian Keurusetiaan dan Perhubungan Antarabangsa, Bahagian Undang-Undang Dan Bahagian Pembangunan Pendidikan Islam (LEPAI). Penglibatan menyeluruh dari seluruh bahagian-bahagian di JAKIM ini telah memberikan ruang yang luas untuk aktiviti Islam Hadhari ini digerakkan dengan lebih berkesan lagi di seluruh negara (JAKIM Buku Sambutan 2003, h. 48-153).

Di samping menggunakan organisasi dalaman, JAKIM juga mengerakkan Islam Hadhari melalui badan-badan penyelaras peringkat pentadbiran seperti Persidangan Ketua-Ketua Jabatan/Majlis Agama Islam Seluruh Malaysia, Persidangan Penyelarasan Undang-Undang Syarak dan Sivil, Jawatankuasa Fatwa Majlis Kebangsaan Bagi Hal Ehwal Uagama Islam Malaysia dan Jawatankuasa Induk Mengkaji Undang-Undang Syarak dan Sivil (JAKIM Buku Sambutan 2003,h, 38-44)

## 5. *Pelaksanaan Aktiviti Islam Hadhari*

Pelaksanaan Islam Hadhari di Malaysia yang diselenggarakan oleh JAKIM pada asasnya dirancang dalam dua (2) peringkat. Pertama; penjelasan konsep Islam Hadhari dan Kedua; pelaksanaan pada dasar-dasar kerajaan. Namun demikian, memandangkan program ini dianggap baru sahaja dilaksanakan, fokus aktiviti hingga setakat ini masih berjalan berorientasikan untuk memberikan penjelasan berkaitan konsep Islam Hadhari kepada rakyat Malaysia khususnya umat Islam. Bagi program penerangan konsep Islam Hadhari beberapa aktiviti telah dijalankan seperti aktiviti ceramah penerangan, seminar dan penerbitan bahan-bahan bacaan.

### 5.1 *Aktiviti Penerangan Islam Hadhari*

Pendekatan ini dilakukan bertujuan untuk memberi penjelasan seluas-luasnya kepada rakyat mengenai konsep Islam Hadhari yang dihasratkan oleh kerajaan. Ini kerana kerajaan berpendapat masih ramai dikalangan rakyat Malaysia khususnya umat Islam masih keliru mengenai konsep Islam Hadhari itu sendiri. Selain daripada itu penerangan juga dibuat bertujuan untuk menangani isu-isu yang dibangkitkan oleh pihak pembangkang khususnya PAS yang didakwa oleh kerajaan telah memutarbelitkan dan seterusnya menentang pelaksanaan Islam Hadhari ini (KPM Bhg. GSPS, 2005, h.7)

Untuk menjalankan aktiviti ini JAKIM selaku penyelarass aktiviti Islam Hadhari Malaysia telah menjalankan aktiviti dengan kerjasama beberapa agensi kerajaan seperti Jabatan Hal Ehwal Khas (JASA), Institut Kefahaman Islam Malaysia (IKIM), Yayasan Dakwah Islamiah Malaysia (YADIM), Jabatan Pendidikan Islam dan Moral Kementerian Pelajaran Malaysia (JAPIM), Jabatan Pendidikan Tinggi (JPT), Kor Agama Angkatan Tentera Malaysia (KAGAT), Pejabat Penasihat JPM dan lain-lain agensi berkaitan seperti Bahagian Gerak Saraf Dan Perang Saraf (GSPS) Kementerian Penerangan Malaysia, RTM dan TV 3 (JAKIM Mes. MKI, Bil 44, 2005, h. 12)

Untuk melaksanakan misi penerangan ini JAKIM telah dibantu oleh para penceramah yang dianggap cekap dan profesional dalam bidang masing-masing yang terdiri dari ahli akademik, ahli politik, ulama, pegawai tadbir dan individu-individu terpilih. Bagi memastikan program ini dapat dijalankan secara berkesan para penceramah terpilih akan ditauliahkan secara khusus oleh JAKIM setelah mereka melalui beberapa sesi latihan dan penerangan. Setakat ini JAKIM telah melantik seramai 120 orang penceramah untuk menjalankan aktiviti penerangan kepada sasaran yang ditetapkan ( Eliza Hana Md Taha, temubual pada 8. Mac 2005)

Ketika menjalankan aktiviti penjelasan ini Y.A.B Perdana Menteri Dato seri Abdullah Bin Hj Ahmad Badawi sendiri meminta agar program ini dapat dilakukan dengan penuh hikmah bagi mengelakkan pergaduhan dan perkelahian sesama umat Islam. Pendekatan ini dianggap sebagai usaha dan pendekatan terbaik yang beliau sendiri yakin akhirnya akan diterima oleh rakyat. Untuk tujuan itu gerakan penerangan dibuat dalam bentuk paling hikmah dan menjauhi provokasi politik. Berdasarkan tujuan itu, beliau telah menolak desakan untuk mengenakan tahanan di bawah Akta Keselamatan Dalam Negeri (ISA) bagi penentang-penentang Program Islam Hadhari. (JAKIM, Lap. Pertemuan Y.A.B P.M , 2005, h.10). Untuk tujuan itu juga Y.A.B Perdana Menteri Dato Seri Abdullah Hj Ahmad Badawi terpaksa turun terlibat di dalam aktiviti majlis Penerangan Islam Hadhari ke peringkat negeri-negeri di seluruh Malaysia seperti Selangor, Kedah dan lainnya.

Walaupun Y.A.B Perdana Menteri mengharapkan program ini dianggap sebagai medan pertarungan intelektual dan pemikiran tanpa sebarang ugutan dan paksaan, namun keadaan ini tidak berlaku seperti yang diharapkan. Keadaan inilah yang telah digunakan oleh penganjur program Islam Hadhari di peringkat IPTA./IPTS anjuran Jabatan Pendidikan Tinggi dengan kerjasama Pejabat Penasihat Agama Perdana Menteri JPM (Projek Khas Islam Hadhari Fasa 2 2005-2008). Sebagai contoh, arahan dalam pelaksanaan aktiviti Program Islam Hadhari bagi kakitangan dan mahasiswa/i IPTA dan IPTS ia dilakukan secara wajib hadir kepada mereka yang telah dipilih mengikuti program. Perkara ini disebut secara terang dalam Buku Panduan Projek Khas YAB Perdana Menteri Fasa Kedua Tahun 2004-2008 seperti berikut: (JPM, Projek Khas Y.A.B P.M, 2004,h.11)

“Kehadiran adalah diwajibkan dan pemantauan kehadiran perlu dilakukan oleh urussetia yang dilantik IPTA/IPTS masing-masing. Surat tunjuk sebab perlu dikeluarkan kepada mana-mana kakitangan yang meninggalkan dewan seminar”.

Penganjuran Program secara paksa ini telah mendatangkan satu reaksi yang negatif kepada mereka yang menghadirinya. Keadaan ini menjelaskan bahawa pelaksanaan program ini bertujuan lain khususnya bermatlamatkan politik bukan lagi aktiviti dakwah sebagaimana diharapkan. Untuk mengatakan program Islam Hadhari ini mempunyai tujuan politik bukanlah satu rahsia lagi. Ini dapat dibuktikan sebagai contoh, dalam Buku Projek Khas YAB Perdana Menteri Fasa Kedua Tahun 2004-2008 juga secara terang menyebutkan iaitu; (JPM, Projek Khas Y.A.B P.M, 2004, h. 18)

“Untuk Fasa 2 yang akan dilaksanakan selama 5 tahun bermula 2004 dan berakhir pada tahun 2008 mempunyai tujuan dan matlamat yang tersurat dan tersirat agar orang Melayu dapat bersatu di bawah satu kepimpinan”

Seterusnya aktiviti yang dilakukan oleh Pejabat Penasihat Perdana Menteri ini telah menetapkan sasaran yang ianya akan dilakukan sehingga tahun 2008 akan datang. Senario ini menggambarkan aktiviti Projek Khas Y.A.B Perdana Menteri merupakan siri kempen persiapan pilihanraya ke duabelas yang sememangnya dijangka akan berlaku dalam tahun tersebut. Keadaan inilah yang berlaku sebenarnya ketika perlaksanaan Program Penerangan Islam Hadhari tahap pertama (2002-2004) yang telah berjaya diadakan melebihi 600 siri ceramah dan seminar yang dihadiri hampir 465,000 orang peserta seluruh negara sebelum pengistiharan pilihanraya ke sebelas pada MAC 2004 yang lalu (JPM, Projek Khas Y.A.B P.M, 2004, h. 2 ).

Agensi lain yang turut terlibat dalam kempen penjelasan ini ialah bahagian Gerak Saraf Dan Parang Saraf (GSPS) Kementerian Penerangan Malaysia. Penglibatan Bahagian Gerak Saraf Dan Perang Saraf (GSPS) Kementerian Penerangan dalam aktiviti penjelasan konsep ini secara nyata juga melibatkan gerakan politik kepartian kerajaan atas nama Islam Hadhari. Dalam Pelan Tindakan GSPS Kementerian Penerangan 2005-2006 telah mengenalpasti beberapa isu yang mesti ditangani oleh kerajaan termasuk Isu pelaksanaan Islam Hadhari (KPM Bhg GSPS, 2005, h. 17).

Dalam kajian GSPS Kementerian Penerangan Malaysia menunjukkan terdapat hampir 37% mereka yang dianggap sebagai pembangkang tegar yang akan terus menentang segala dasar yang dijalankan oleh kerajaan. Fenomena ini dibimbangi akan menjadi lebih

besar kerana isu Islam Hadhari yang mendapat tentangan bukan sahaja dari parti pembangkang Melayu seperti PAS tetapi juga mungkin dari kalangan Barisan Nasional sendiri khususnya dari komponen parti bukan Islam seperti MCA, MIC, GERAKAN yang takut dan keliru dengan pelaksanaan program Islam Hadhari ini (KPM Bhg. GSPS, 2005, h. 16). Namun penentangan di kalangan non-Muslim khususnya Parti Barisan Nasional (BN) dipercayai dilakukan secara senyap. Walaupun demikian ia mungkin terserlah melalui Presiden Parti GERAKAN Lim Kim Yeik yang mencadangkan supaya sekolah aliran Kebangsaan Kementerian Pelajaran Malaysia mengeluarkan pendidikan Islam sekiranya ingin menarik pelajar-pelajar bukan Melayu untuk bersekolah di sekolah-sekolah aliran Kebangsaan (Utusan Malaysia: 3 Mei 2005)

Untuk tujuan itu, gerakan pemulihan dilakukan antaranya menjalankan kajian lapangan di kawasan-kawasan yang dimenangi pembangkang berdasarkan daerah mengundi dan lokaliti kawasan mengundi. Sasaran juga ditujukan terus mereka mereka yang dikenalpasti dari kalangan pengundi baru dan atas pagar. Ini bertujuan memudahkan penjelasan dasar-dasar kerajaan termasuk Islam Hadhari (KPM, GSPS, 2005, h. 17). Bagi kelompok non-muslim ini kerajaan mengatasinya melalui IKIM dan juga aktiviti dialog bersama Perdana Menteri sendiri seperti yang dilakukan pada 8 Feb 2005 bersama parti MCA (JAKIM Mes. MKI Bil 44, 2005, h. 2)

Begitu juga turut memainkan peranan untuk menjalankan aktiviti penerangan ini ialah Institut Kefahaman Islam Malaysia (IKIM). IKIM dalam menjalankan aktivitiya menumpukan sasaran kepada masyarakat Muslim dan Non Muslim. Antara aktiviti yang dilaksanakan oleh IKIM ialah Seminar Islam Hadhari: Kefahaman Mengenai Keutuhan Budaya-Bahasa Kiasan, Korpus Melayu Silam dan Pembangunan Minda Baru Islam, Seminar Islam Hadhari: Bioinformatik Sebagai Alat Dakwah, Seminar Islam Hadhari: Kefahaman Mengenai Keutuhan Moral, Seminar Islam Hadhari: Kefahaman Mengenai Kehidupan Keluarga Berkualiti, Seminar Islam Hadhari: Pertahanan Negara Islam, Seminar Islam Hadhari: Kefahaman Mengenai Kerajaan Adil Beramanah dan banyak lagi (IKIM, 2005, h. 1-19). Pendekatan IKIM sekiranya diperhatikan adalah lebih memenuhi konsep penerangan kepada sepuluh (10) Prinsip Islam Hadhari. Keadaan ini agak berbeza jika dibandingkan dengan pendekatan yang digunakan oleh beberapa agensi yang telah dibincangkan sebelumnya.

Bagi memberikan penjelasan berkaitan Islam Hadhari kepada golongan pendidik tugas ini pula dipikul oleh Jabatan Pendidikan Islam dan Moral Kementerian Pelajaran Malaysia (JAPIM). Walaubagaimanapun apa yang berlaku guru Pendidikan Islam merupakan sasaran utama untuk diberikan penjelasan Islam Hadhari ini. Dasar JAPIM di KPM sememangnya telah melaksanakan Kursus Khas kepada semua guru Pendidikan Islam di bawah pentadbiran Kementerian Pelajaran pada setiap tahun sejak tahun 2001. Kursus ini dilaksanakan atas keputusan Mesyuarat Jemaah Menteri yang bersidang pada 13 September 2000. Pelaksanaan dasar ini ada hubungkait dengan pendapat mengatakan kecenderungan guru Pendidikan Islam untuk memberi sokongan kepada pembangkang dan pasif terhadap pelaksanaan dasar-dasar kerajaan (Dangiran Bin Hj Mustapa, 2004, h.5).

Pendekatan kursus telah dianggap berjaya membuka minda guru-guru Pendidikan Islam ke arah memperbaiki tugas mereka semasa menjalankan tanggungjawab sebagai penjawat awam dan pada waktu yang sama memberi maklum balas yang berguna tentang kefahaman guru-guru Pendidikan Islam terhadap dasar-dasar kerajaan. Berdasarkan kejayaan tersebut Majlis Tindakan Islam Nasional (MTIN) memutuskan pendekatan yang sama digunakan untuk mensasarkan guru Pendidikan Islam agar diberikan penjelasan berkaitan Konsep Islam Hadhari (Dangiran Bin Hj Mustapa, 2004, h.5).

Atas tujuan tersebut JAPIM pada peringkat asasnya telah mensasarkan semua guru Pendidikan Islam Kementerian Pelajaran Malaysia untuk dilatih memahami Konsep Islam Hadhari melalui pendekatan kejurulatihan: iaitu 10 orang melatih 100 orang, 100 orang melatih 1000 orang dan 1000 orang melatih semua 26,000 orang guru Pendidikan Islam di seluruh negara. Untuk tujuan itu JAPIM akan melahirkan Jurulatih Eksekutif Islam Hadhari seramai 10 orang, Jurulatih Utama 100 orang dan jurulatih Dakwah Islam Hadhari seramai 1000 orang (Dangiran Mustafa, 2004, h. 5)

Sebagai usaha memantapkan gerakan penerangan ini juga JAPIM melaksanakan pendekatan kursus perkembangan staf dalaman di sekolah-sekolah seluruh negara, Jabatan Pelajaran Daerah, Negeri dan Kementerian dengan menggunakan tenaga 1000 orang jurulatih sedia ada. Begitu juga semua jenis kursus samada yang dianjurkan oleh pihak Institut Aminuddin Baki, Bahagian-Bahagian di Kementerian Pelajaran, Jabatan-Jabatan Pelajaran Negeri dan Daerah dipastikan mengisikikan tajuk berkaitan Islam Hadhari (Dangiran Mustafa, 2004, h. 8)

Seterusnya antara agensi yang aktif memberikan program penerangan berkaitan Islam Hadhari ialah Jabatan Hal Ehwal Khas (JASA) Kementerian Penerangan. Sebagai agensi yang penubuhannya ialah bertujuan menjalankan aktiviti dan penerangan dasar-dasar kerajaan JASA telah menjalankan kempen geraksaraf program Islam Hadhari seawal tahun 2004 lagi. Penglibatan JASA dalam aktiviti penerangan ini antaranya ialah dalam bentuk ceramah, seminar dan juga bengkel-bengkel. JASA menggunakan dua pendekatan dalam penyampaian penerangannya ia itu sasaran muslim dan juga non muslim. Antara topik ceramah yang digunakan oleh JASA ialah: Pembudayaan Islam Hadhari Di Malaysia: Satu Ulasan, Memahami Kejayaan Perjuangan UMNO Dari Perspektif Islam Hadhari, Islam Hadhari: Kepimpinan Negara Islam Malaysia Berkualiti, Islam Hadhari: Rahsia Kekuatan Islam Di Malaysia Masakini dan Islam Hadhari; Perjuangan Menjadikan Malaysia Sebuah Negara Islam yang Maju, Progresif dan Moderate (Zainal Abidin Abd Kadir, 2004, h. vii-ix). Dilihat dari segi kandungan ceramah yang disampaikan oleh JASA ia tidak memberi penekanan kepada topik konsep ketamadunan walaupun ia dilakukan atas nama penerangan konsep Islam Hadhari.

Bagi mengerakkan aktiviti penerangan konsep Islam Hadhari bagi tahun 2005 ini kerajaan dijangka membelanjakan sebanyak RM 18.9 juta. Pecahan pgunaan ialah JAKIM RM2,111,830.00, YADIM RM167,000.00, IKIM RM1,200,000.00, JASA RM1000,000.00, KAGAT RM45,500.00, JAPIM RM963,360.00, Kementerian Pengajian Tinggi Malaysia RM1,500,000.00 dan Pejabat Penasihat Agama Kepada YAB PM RM12,000,000.00. Melihat jumlah peruntukan yang ada ia menggambarkan keadaan agihan yang tidak seimbang di mana peruntukan terbesar di berikan kepada Pejabat Penasihat Agama JPM iaitu sebanyak RM12,000,000.00 ( RM12 juta Ringgit Malaysia) (JAKIM Perancangan Program 2005, h. 3). Jumlah ini melebihi 60% peruntukan keseluruhan bagi aktiviti penjelasan ini. Melihat kepada sudut ini boleh difahamkan Projek Khas Y.A.B Perdana Menteri melalui Pejabat Penasihat Agama Perdana Menteri (JPM) seolah-olahnya bertindak sebagai peneraju utama kepada pelaksanaan program penerangan Islam Hadhari ini yang diselenggarakan aktivitiya oleh JAKIM. Pada dasarnya peruntukan untuk melaksanakan program penjelasan Islam Hadhari ini telah menggunakan sejumlah wang yang begitu besar. Jumlah kewangan ini tidak termasuk aktiviti yang dijalankan oleh agensi-agensi lain seperti Kementerian Penerangan Malaysia, Syarikat Swasta, Yayasan-Yayasan Kerajaan seperti Yayasan Islam Hadhari dan beberapa agensi lain yang turut terlibat secara tidak langsung dalam menjelaskan Islam Hadhari ini.

Secara ringkas, kebanyakan aktiviti penerangan Konsep Islam Hadhari ini telah dilakukan melalui pendekatan penerangan politik. Ini terbukti dengan aktiviti yang dilakukan oleh agensi seperti Pejabat Penasihat Agama Jabatan Perdana Menteri (JPM), Jabatan

Hal Ehwal Khas (JASA), Gerak Saraf dan Perang Saraf Kementerian Penerangan dan lainnya. Keadaan ini kemungkinan tidak disedari oleh pihak penyelarasan Islam Hadhari iaitu JAKIM yang berhasrat ia dilakukan bagi tujuan penjelasan Konsep Islam Hadhari itu sendiri yang berteraskan konsep ketamadunan. Keadaan ini sekiranya dibiarkan menyebabkan Konsep Islam Hadhari akan terdedah kepada dwi-sumber yang mungkin menyukarkan kefahaman masyarakat Malaysia.

## 5.2 Penerbitan Bahan Islam Hadhari

Walaupun program Islam Hadhari telah berjalan sejak awal tahun 2002 lagi, namun sebenarnya apa yang berlaku perjalanan program ini tanpa menggunakan mana-mana modul atau kurikulum yang digubal khas untuk memastikan program ini dapat dijalankan dengan betul dan berkesan. Apa yang berlaku program Islam Hadhari sebenarnya berjalan mengikut selera dan kehendak penganjur tanpa mempunyai objektif yang khusus lebih-lebih lagi dalam konteks dakwah Islamiah. Sebahagian besar program-program yang dijalankan adalah lebih menumpukan kepada aktiviti penerangan politik yang lebih menjurus untuk menyerang aktiviti parti lawan kerajaan atas nama ceramah penerangan Islam Hadhari, Seminar Islam Hadhari, bengkel Islam Hadhari dan sebagainya. Tajuk-tajuk popular seperti Kegagalan Islam Politik Dan Kebangkitan Islam Hadhari disampaikan oleh Ustaz Nakhaie Ahmad Yang Dipertua YADIM, Islam Hadhari Alternatif Konservatif Pas dan Institusi Agama Kerajaan dan Malaysia Negara Islam dijadikan tajuk-tajuk penting sepanjang perbincangan program Islam Hadhari ketika itu.

Menyedari hakikat itu, disamping untuk mengelakan kekeliruan di kalangan umat Islam atas arahan Y.B Menteri di Jabatan Perdana Menteri telah mengarahkan satu buku panduan diterbitkan sebagai panduan asas pelaksanaan keseluruhan program tersebut. Atas tujuan tersebut, JAKIM dengan kerjasama beberapa agensi kerajaan yang lain telah menerbitkan beberapa jenis buku seperti *Buku Panduan Pelaksanaan Islam Hadhari* dan risalah-risalah berkaitan.

### 5.2.1 Buku Panduan Program Islam Hadhari

Sebagai usaha memantapkan dan menyelaraskan aktiviti Islam Hadhari ini JAKIM telah bertindak mengeluarkan beberapa buku panduan program Islam Hadhari. Dengan pengeluaran buku tersebut diharapkan segala aktiviti Islam Hadhari akan lebih terarah dan tersusun serta memenuhi kehendak pihak kerajaan. Antara beberapa buah buku panduan yang telah diterbitkan ialah; *Konsep Islam Hadhari Pemangkin Pembangunan Ummah*, *Konsep Islam Hadhari Satu Penjelasan* versi bahasa Malaysia Dan Bahasa Inggeris dan *Islam Hadhari Agenda Kepimpinan*.

#### 5.2.1.1 Konsep Islam Hadhari Pemangkin Pembangunan Ummah

Buku ini merupakan buku pertama telah dikeluarkan oleh urusetian Program Islam Hadhari JAKIM. Kandungan buku ini menjelaskan antaranya ialah gagasan Islam Hadhari, rasional pelaksanaan Islam Hadhari, di samping menyentuh objektif, definisi, visi dan misi Islam Hadhari itu sendiri. Antara perkara lain yang disentuh dalam buku ini ialah tonggak, ciri-ciri dan tumpuan pelaksanaan Islam Hadhari. Dalam membincangkan tonggak Islam Hadhari antara aspek penting yang disentuh ialah Islam Hadhari hendaklah tertegak atas beberapa tonggak penting seperti; (JAKIM Buku Panduan, 2004, h. 23-30)

- i. Masyarakat Yang Menguasai Ilmu
- ii. Berakhlak dan Mengamalkan Nilai Murni
- iii. Pembangunan Seimbang Antara Spiritual Dengan Fizikal
- iv. Menikmati Keselesaan Hidup (Hasanah Fi al-Dunya)
- v. Pendekatan Sederhana (Wasatiah) dan Bijaksana (Hikmah)
- vi. Mengadunkan Antara Warisan Lama Yang Mutlak Dengan Perkara Yang Bermanfaat
- vii. Manfaat dan Keselesaan Manusia Sejagat dan;
- viii. Menguasai Alam Semulajadi.

Dalam menghuraikan ciri Islam Hadhari pula buku ini telah mengariskan beberapa ciri pentingnya iaitu; bersumberkan ajaran Ilahi, urus tadbir yang baik, kehidupan yang maju, peningkatan kualiti hidup, keutuhan integriti, dinamik, menyeluruh, praktikal, berdikari, masyarakat yang berjiwa bebas, kreatif, inovatif dan terakhir pengukuhan institusi keluarga (JAKIM Buku Panduan, 2004, h. 31-37)

Manakala bab terakhir buku ini telah menjelaskan skop dan tumpuan Program Islam Hadhari. Antara skop dan tumpuan program Islam Hadhari ini antaranya ialah pembangunan pendidikan, pembangunan ekonomi, pembangunan pentadbiran dan pengurusan, pembangunan sains dan teknologi, pembangunan sosial dan budaya, pembangunan pertanian dan pembangunan undang-undang. (JAKIM Buku Panduan, 2004, h.39-56) Secara umumnya kandungan buku ini dianggap lebih lengkap dan terperinci di dalam membincangkan Konsep Islam Hadhari. Walaupun buku ini diterbitkan pada asalnya bertujuan sebagai panduan asas pelaksanaan Islam Hadhari di Malaysia bagaimanapun akhirnya buku ini telah dilarang pengedarannya kerana dianggap sebagai tidak sesuai dalam konteks maksud program Islam Hadhari seperti yang dikehendaki oleh kerajaan (Nordin Ibrahim, 2005,8 Mac, temubual).

#### 5.2.1.2 Konsep Islam Hadhari Satu Penjelasan

*Buku Konsep Islam Hadhari Satu Penjelasan* yang diterbitkan adalah susulan untuk membaiki isi kandungan buku pertama yang gagal diedarkan oleh pihak urusetia. Ia telah dikeluarkan sebanyak 120,000 unit bagi tujuan untuk diedarkan di seluruh negara. Penerbitan buku ini telah dibuat dalam beberapa versi bahasa iaitu dalam bahasa Melayu, English dan Arab. Ia juga diterbitkan bertujuan sebagai dokumen panduan kepada masyarakat. Penerbitan buku ini telah diselia dan dibantu oleh 30 orang panel yang terdiri daripada ahli akademik, ulama dan tokoh-tokoh pentadbir. Antara tokoh yang terlibat menyiapkan buku ini ialah Prof Dr

Sidek Baba daripada Universiti Islam Antarabangsa, Ustaz Haji Nakhaie Ahmad Yang Dipertua YADIM, Prof Dr Kamal Hasan dari UIA dan (Dr) Othman Al-Muhammadi, Fellow Kehormat IKIM (Eliza Hana Md Taha, 2005, temubual, 30 Mac 2005)

Sebagaimana buku *Modul Islam Hadhari* yang pertama, buku ini juga telah memperjelaskan beberapa perkara yang dihasratkan oleh pihak kerajaan dalam Program Islam Hadhari ini. Antara kandungannya, ia telah menyentuh tentang pendekatan pelaksanaan Islam Hadhari di samping definisi, visi, misi dan objektifnya. Manakala kandungan akhir buku ini ia telah mengutarakan apa yang dinamakan 10 Prinsip-Prinsip Asas Islam Hadhari yang meliputi antaranya; keimanan dan ketaqwaan kepada Allah, kerajaan adil dan beramanah, rakyat berjiwa merdeka, penguasaan ilmu pengetahuan, pembangunan ekonomi seimbang dan komprehensif, kehidupan berkualiti, pembelaan hak kumpulan minoriti, keutuhan budaya dan moral, pemeliharaan alam semulajadi dan isu kekuatan pertahanan (JAKIM Buku Panduan, 2005, h.17-47).

Sebagai perbandingan isi kandungan buku *Panduan Konsep Islam Hadhari* yang pertama dengan kedua ini mempunyai banyak perbezaan. Antara perbezaan yang paling ketara ialah buku kedua ini dianggap ringkas. Banyak bahagian penting dalam buku pertama telah ditiadakan antaranya ialah berkaitan tongak, ciri-ciri dan skop tumpuan. Pelaksanaan Islam Hadhari yang meliputi aspek pembangunan pendidikan, pembangunan budaya dan sosial, pembangunan undang-undang, dan pembangunan ekonomi yang berprinsipkan ajaran Islam telah ditiadakan. Manakala penerbitan buku panduan kedua telah memberikan fokus kepada 10 Prinsip Islam Hadhari yang perbahasannya lebih sesuai dalam konteks rakyat Malaysia yang berbilang kaum. Buku kedua ini telah dijadikan panduan yang diterima bagi menjelaskan Konsep Islam Hadhari.

### 5.2.1.3 Islam Hadhari : Agenda Kepimpinan

Buku *Islam Hadhari: Agenda Kepimpinan* telah disediakan oleh Dato Seri Idris Jusuh Menteri Besar Terengganu. Buku ini juga boleh dikategorikan sebagai buku panduan asas untuk memahami Konsep Islam Hadhari yang sedang dilaksanakan oleh kerajaan. Sebagaimana kedua-dua buku panduan di atas buku ini juga cuba menghuraikan konsep Islam Hadhari itu sendiri. Buku ini telah menerangkan 8 prinsip Islam Hadhari yang perlu dilaksanakan. Antara Prinsip-prinsip yang diuraikan ialah berkaitan dengan ilmu, akhlak, mesra, kompetitif, inovatif dan kreatif, moden dan kontemporari, global, syumul dan seimbang dan kecemerlangan (Idris Jusuh, 2004, h.4). Perbezaan ketara buku ini dengan buku panduan yang dengan dikeluarkan oleh JAKIM Islam Hadhari Satu Penjelasan ialah disudut penguasaan prinsip Islam Hadhari itu sendiri. Buku ini telah menyenaraikan prinsip Islam Hadhari dalam bentuk yang begitu kecil dan terhad dari segi penafisirannya iaitu pada aspek-aspek nilai atau moral. Ia tidak samasekali menekankan konsep pembinaan tamadun seperti yang diuraikan dalam buku Panduan keluaran JAKIM seperti aspek penjagaan alam sekitar, pendidikan dan lainnya.

Ketiga-tiga buku ini telah diterbitkan atas nama Agensi Pelaksana Islam Hadhari iaitu JAKIM mewakili kerajaan pusat dan buku karangan Dato Seri Idris Jusuh sebagai Menteri Besar Terengganu mewakili kerajaan negeri. Perbezaan yang ketara dalam ketiga-tiga buku ini secara jelas menunjukkan kerajaan sendiri masih tercari-cari apakah sebenarnya Islam Hadhari yang hendak dilaksanakan. Begitu juga perbincangan ketiga-tiga buku panduan Islam Hadhari hanya dibuat secara umum dan tiada penjelasan bagaimana pelaksanaan Islam Hadhari perlu dilakukan dalam bentuk praktikal. Dengan kaedah penjelasan seperti ini maka buku-buku ini hanya akan dianggap sebagai buku retorik tetapi dipersoalkan daripada sudut penghayatannya. Keadaan akan lebih menyukarkan masyarakat Islam untuk memahami konsep sebenar Islam Hadhari seperti yang diwar-warkan oleh kerajaan.

Selain bahan bacaan terbitan JAKIM terdapat beberapa buku yang membincangkan Islam Hadhari ini. Antara beberapa bahan bacaan yang telah diakui dan layak diedarkan dipasaran ialah *Wacana Hadhari Dalam Islam* karangan Mohd Shauki Abd Majid, *Pembangunan Negara Islam Hadhari* oleh Ustaz Nakhaie Ahmad, *Membangun Masyarakat Hadhari* oleh Nakhaie Ahmad, *Islam Hadhari Menjana Kemajuan Ummah* terbitan Pusat Pemikiran dan Kefahaman Islam (CITU) UiTM, *Pengurusan Hadhari Satu Anjakan Paradigma Ke arah Pembaharuan Pengurusan di Malaysia* oleh Dr Hj Abd Rahman Ahmad dan beberapa buku lainnya.

Kalau dilihat di sini kebanyakan buku-buku berkenaan adalah diterbitkan oleh institusi-institusi rasmi, badan berkanun dan individu yang bekerja dengan kerajaan. Sebagai contoh, beberapa buku menggunakan nama individu tetapi ia diterbitkan oleh mereka yang bekerja dengan agensi kerajaan ialah buku *Wacana Hadhari Dalam Islam* ia diterbitkan oleh Anzagain Sdn Bhd dengan kerjasama Yayasan Pembangunan Buku Negara namun pengarang buku berkenaan ialah Mohd Shauki Abd Majid adalah seorang kakitangan YADIM berjawatan Penolong Pengarah. Begitu juga buku *Pembangunan Negara Islam Hadhari dan Menjana Masyarakat Hadhari* karangan Ustaz Nakhaie Ahmad, diterbitkan oleh Milenia Muslim Publication sedangkan beliau adalah Yang Dipertua Yayasan Dakwah Islamiah YADIM dan antara pelopor gagasan Islam Hadhari. Yang lebih menarik kedua-dua buku ini diterbitkan pada tahun 2004 lebih awal dari penerbitan buku panduan Islam Hadhari yang dikeluarkan oleh JAKIM itu sendiri iaitu pada tahun 2005. Justeru itu penerbitan buku-buku tersebut didakwa sebenarnya mempunyai motif selain dari apa yang cuba dicapai oleh JAKIM.

Manakala beberapa buah buku yang dianggap tidak sah dari segi penerbitan dan serta terkeluar dari skop perbincangan kertas ini ialah buku *Hadharah Islamiah Bukan Islam Hadhari* oleh Abdul Hadi Awang Presiden PAS terbitan Nufair Street dan *Islam Hadhari Menurut Ustaz Hj Ashaari Muhammad* oleh Mejar (B) Abu Dzar. Kedua-dua buah buku berkenaan ditulis sebagai mewakili pandangan organisasi kedua-dua pemimpin berkenaan iaitu PAS dan bekas kumpulan al-Arqam yang telah diharamkan oleh kerajaan.

Bagi buku *Hadharah Islamiah Bukan Islam Hadhari* karangan Haji Abdul Hadi Awang selaku Presiden PAS melalui buku ini secara jelas telah menentang habis-habisan pelaksanaan Islam Hadhari yang sedang dilaksanakan oleh kerajaan. Sikap penentangan PAS kerana meyakini Islam Hadhari adalah satu bid'ah, celupan jahiliah dan rekaan baru UMNO dan tiada kaitan dengan Islam. (Hj Abdul Hadi Awang, 2005, h130). Akibat kandungan buku yang dianggap menentang pelaksanaan Islam Hadhari ini maka terdapat desakan daripada pimpinan UMNO di peringkat negeri Terengganu seperti Ahli Dewan Undangan Negeri Sura Terengganu meminta ianya diharamkan dari diedarkan di negara ini. Alasan desakan untuk mengharamkan buku berkenaan kerana ia dianggap menyeleweng dari aqidah Islamiah dan boleh menimbulkan pecah belah dalam masyarakat (Berita Harian, 12.4.2005) Akibat desakan dari pimpinan UMNO negeri Terengganu ini pihak Kementerian Dalam Negeri (KDN) telah melakukan beberapa rampasan kepada penjual-penjual buku di sekitar Kuala Terengganu. Tindakan merampas buku-buku ini telah dibuat terlebih dahulu walaupun pengharaman buku berkenaan belum dilakukan oleh mana-mana badan kerajaan lagi termasuk KDN atau JAKIM (Harakah : terbitan 1-15 Mei 2005, h. 28). Manakala buku



“*Islam Hadhari Menurut Ustaz Ashaari Muhammad*”, terbitan Rufaqa Corporation ini tiada desakan untuk diharamkan oleh mana-mana pihak walaupun ia diterbitkan dalam bentuk menonjolkan pemikiran pemimpin sebuah pertubuhan yang telah diharamkan (al-Arqam) oleh kerajaan kerana dianggap sesat dari ajaran Islam sebenar. Walaubagaimanapun kesimpulan buku dirasakan seperti menyokong pelaksanaan Islam Hadhari yang sedang diusahakan oleh kerajaan (Abu Zhar, 2005, h. x-xiii)

Rumusannya, setelah meneliti beberapa buah buku panduan yang dijadikan asas rujukan pemikiran Islam Hadhari ini, secara jelas ia menggambarkan usaha pengarang untuk memberikan kefahaman berkaitan Konsep Islam Hadhari itu sendiri. Ini bermakna Islam Hadhari merupakan satu konsep yang benar-benar baru dan tidak pernah wujud dan diamalkan oleh mana-mana pemerintah Islam di dunia ini dari dahulu hingga sekarang. Konsep berkaitan dengannya masih lagi samar dan perlukan penjelasan dari masa kesemasa. Walaupun dalam usaha memberikan penjelasan berkaitan Islam Hadhari itu terdapat perbezaan antara satu buku dengan buku yang lain tetapi ia sedikit sebanyak mampu memberikan penjelasan kepada Umat Islam berkaitan Islam Hadhari yang dihasratkan oleh kerajaan. Berdasarkan penulisan-penulisan dalam buku rujukan Islam Hadhari jelas menggambarkan Islam Hadhari adalah satu bentuk pendekatan baru Pelaksanaan Islam yang dihasratkan oleh kerajaan BN untuk dilaksanakan dalam pemerintahannya. Berkaitan buku yang dianggap menyeleweng seperti karangan Abdul Hadi Awang Presiden PAS ia tidak dapat dipastikan secara jelas dari sudut penyelewengan aqidah cuma mungkin disebabkan oleh perbezaan politik sedia wujud dalam konteks memonopoli perjuangan Islam di negara ini. Atas dasar inilah akhirnya buku karangan Presiden PAS didesak untuk diharamkan sedangkan buku yang dikarang dari sebuah pertubuhan yang diharamkan oleh kerajaan sendiri iaitu Al-Arqam dibenarkan untuk terus diedarkan. Keadaan seperti ini semakin mengelirukan masyarakat untuk memahami Islam Hadhari yang sebenar.

## ■6.0 PERBINCANGAN & CADANGAN

Secara ringkas, pelaksanaan struktur organisasi di JAKIM dalam usaha mengerakkan Islam Hadhari pada asasnya boleh dianggap lengkap dan menyeluruh. Ini kerana organisasi Islam Hadhari yang dibentuknya telah meliputi kedua-dua peringkat iaitu persekutuan dan negeri. Begitu juga organisasi ini telah di ketuai oleh para pembuat dasar Islam Hadhari sendiri seperti Y.A.B Perdana Menteri Malaysia dan Menteri-Menteri Besar/Ketua Menteri melalui penyertaan mereka dalam organisasi peringkat Tertinggi Islam Hadhari. Walaubagaimanapun ia masih berhadapan dengan masalah. Ini kerana organisasi Islam Hadhari pada asasnya berada dalam keadaan yang rendah berbanding organisasi lain disamping ia sekadar menumpang di organisasi sedia ada seperti Majlis Kebangsaan Hal Ehwal Islam Malaysia (MKI) untuk Jawatankuasa Peringkat Tertinggi/Induk Islam Hadhari yang dipegerusikan oleh Y.A.B Perdana Menteri Malaysia.

Kelemahan ini juga ada hubungkait kerana ia tidak dibina berasaskan kuatkuasa undang-undang samada melalui peruntukan enakmen di peringkat persekutuan atau negeri berbanding dengan dasar-dasar yang lain. Yang pastinya kewujudan organisasi Islam Hadhari ini tidak pernah dibincangkan di peringkat parlimen atau Dewan Undangan Negeri (DUN) di peringkat negeri walaupun kerajaan mempunyai bidangkuasa untuk berbuat demikian khususnya di peringkat negeri yang sememangnya kuasa agama berada ditangannya. Dalam keadaan ini organisasi Islam Hadhari seolah-olahnya dibuat secara ad-hoc sahaja. Bila keadaan ini berlaku pelaksanaan Islam Hadhari di semua peringkat dipercayai akan berjalan dalam keadaan terumbang-ambing, tidak boleh dipertahankan dan mengharapkan belas ikhsan semata-mata. Natijahnya juga keputusan-keputusan berkaitan perancangan dan pelaksanaan Islam Hadhari di semua peringkat boleh diterima atau dibatalkan oleh agensi-agensi tertentu atau badan yang lebih tinggi dari organisasi Islam Hadhari sendiri seperti Jama'ah Menteri Malaysia (Mesyuarat Kabinet Malaysia) bagi peringkat persekutuan dan Majlis Mesyuarat Kerajaan Negeri (MMKN) di peringkat negeri.

Begitu juga, walaupun Islam Hadhari berobjektifkan membina tamadun Islam di Malaysia namun kewujudan organisasi yang ada dirasakan amat sukar untuk merealisasikan hasrat tersebut. Ini kerana kewujudan organisasi di peringkat negeri sebagai contoh adalah amat menyukarkan untuk aktiviti Islam Hadhari bergerak secara sewajarnya. Ini kerana di peringkat negeri kuasa pelaksana Islam Hadhari hanya dipegang oleh exco berportfolio agama yang sememangnya di segi hierarki pentadbiran di peringkat negeri exco portfolio agama tidak mempunyai kuasa eksekutif pentadbiran kecuali dalam menguruskan hal ehwal Islam seperti zakat, harta wakaf dan sebagainya. Keadaan ini tidak memungkinkan arahan Islam Hadhari dapat dipatuhi oleh agensi-agensi lain seperti Majlis-Majlis Daerah, Pejabat Daerah dan Tanah daerah sebagai pihak yang memiliki kuasa di peringkat kerajaan tempatan yang mana ia berkuasa untuk memberi atau menarik lesen seperti lesen premis perjudian, pusat hiburan dan sebagainya.

Kesan daripada kelemahan di peringkat pelaksanaan organisasi yang wujud akhirnya apa yang berlaku sekarang dan mungkin pada masa hadapan fokus pelaksanaan Islam Hadhari hanya bertumpu kepada ceramah-ceramah dan seminar Islam Hadhari. Walaupun demikian apa yang diperhatikan buat masa kini aktiviti Islam Hadhari dalam bentuk pemberian ceramah-ceramah dan penerbitan buku juga telah tersasar dari matlamat asalnya yang berobjektifkan pembinaan tamadun. Apa yang berlaku ceramah-ceramah Islam Hadhari seperti yang dibincangkan dalam kertas ini kebanyakannya telah menggunakan pendekatan politik bukan menitikberatkan penjelasan pembangunan tamadun Islam seperti yang dihasratkan. Persoalannya apakah sebenarnya hasrat kerajaan dalam melaksanakan Islam Hadhari ini? Memang diakui politik adalah penting bagi menyatupadukan umat dalam membina tamadun Islam tetapi pendekatan yang terlalu menitikberatkan politik akan mengabaikan lain-lain skop Islam Hadhari yang masih menjadi cabaran besar hari ini. Sebelum JAKIM didakwa telah dimangsakan bagi melaksanakan aktiviti kepartian yang sempit atas nama Islam Hadhari, adalah wajar sekiranya badan ini diberikan peranan yang luas bagi menjamin keberkesanan pencapaian objektifnya.

## Rujukan

- Abdul Hadi Awang. (2005). *Hadarah Islamiah Bukan Islam Hadhari*. Nufair Street Sdn Bhd., Kuala Lumpur.
- Abu Zhar. (2005). *Islam Hadhari Menurut Ustaz Hj Ashaari Muhammad*. Minda Ikhwan, Rawang.
- Akauntan Negara Malaysia. (2005). *Waran Perjawatan Bil A 13 Tahun 2005*. Putra Jaya
- Berita Harian (B.H). (2005). *Syor ADUN Terengganu Haramkan Buku Haji Hadi* dalam Berita Harian, tarikh, 15.4.2005.
- Dangiran Haji Mustapa. (2004). *Pelaksanaan Islam Hadhari Dalam Sektor Pendidikan Rendah dan Menengah*, Kertaskerja dibentang dalam Wacana Islam Hadhari Anjuran JAKIM pada 19-20 Mei 2004.
- Eliza Hana Md Taha. (2005). *Aktiviti Penerangan Islam Hadhari*, Sekretariat Islam Hadhari JAKIM, Putrajaya, temubual pada 8. Mac 2005

- Eliza Hana Md Taha. (2005). *Pandangan Mengenai Bahan-Bahan Penerbitan Islam Hadhari*, Sekretariat Islam Hadhari JAKIM, Putrajaya, temubual 30 Mac 2005.
- Harakah, UMNO bacul rampas buku karangan Presiden PAS-Pemuda, Harakah terbitan 1-15 Mei 2005/22 Rabiulawal 1426.
- Idris Jusuh. (2004). *Islam Hadhari Agenda Kepimpinan*. Percetakan Yayasan Islam Terengganu, Kuala Terengganu.
- IKI. (2005). *Program Kerja 2005*. Institut Kefahaman Islam Malaysia (IKIM), Kuala Lumpur.
- JAKIM Mesyuarat MKI Bil 44 (2005) *Cadangan Pelaksanaan Islam Hadhari*. Kertas MKI Bil C 1/44/2005, dibentangkan pada Mesyuarat Majlis Kebangsaan Bagi Hal Ehwal Agama Islam Malaysia (MKI) Kali ke 44 pada 8 Februari 2005.
- JAKIM Mesyuarat JPIHPK Bil 1. (2005). *Penubuhan Jawatankuasa Penyelarasan Pelaksanaan Islam Hadhari Peringkat Kebangsaan*, Kertas dibentang dalam Mesyuarat Jawatankuasa Pelaksanaan Islam Hadhari Peringkat Kementerian (JPIHPK) Bil 1/2005 yang diadakan di JAKIM Putra Jaya pada 17 Februari 2005.
- JAKIM Mesyuarat JPIHPN Bil 1. (2005). *Penubuhan Jawatankuasa Penyelarasan Peringkat Negeri*, Kertas dibentang dalam Mesyuarat Penyelarasan Peringkat Negeri (JPIHPN) Bil 1/2005 yang diadakan di JAKIM, Putra Jaya pada 24 Februari 2005.
- JAKIM Peraturan MKI. (2003). *Peraturan Majlis Kebangsaan Bagi Hal Ehwal Ugama Islam Malaysia (MKI)*, Putra Jaya: Bahagian Keurusetiaan dan Antarabangsa JAKIM.
- JAKIM Buku Sambutan. (2003). *Sambutan 35 Tahun JAKIM*, Kuala Lumpur: Percetakan Nasional Malaysia Berhad.
- JAKIM. (2004). *Justifikasi Mewujudkan Bahagian Baru Bahagian Islam Hadhari Di Jabatan Kemajuan Islam Malaysia (JAKIM)*, Bahagian Dakwah JAKIM, Putra Jaya.
- JAKIM Buku Panduan. (2004). *Konsep Islam Hadhari: Pemangkin Pembangsaan Ummah*, Percetakan Nasional Malaysia Berhad, Kuala Lumpur.
- JAKIM Buku Panduan. (2005) *Konsep Islam Hadhari Satu Penjelasan*, Percetakan Nasional Malaysia Berhad, Kuala Lumpur.
- JAKIM Laporan Pertemuan Y.A.B. P.M, 2005, *Penjelasan Islam Hadhari Oleh Y.A.B Perdana Menteri Malaysia Kepada Pegawai-Pegawai JAKIM, JASA dan YADIM*, Bahagian Penyelidikan JAKIM, Putrajaya.
- JAKIM Laporan Suku Tahun. (2005). *Aktiviti Islam Hadhari, Cawangan Islam Hadhari dan Penerapan Nilai Islam Bhg Dakwah JAKIM, Putrajaya*
- JAKIM Perancangan Program. (2005). *Perancangan Program Islam Hadhari Agensi-Agensi Kerajaan*, Sekretariat Islam Hadhari Bahagian Dakwah JAKIM, Putra Jaya.
- JAKIM Mesyuarat JIHPNM Bil 1. (2005). *Penubuhan Jawatankuasa Islam Hadhari Peringkat Negeri Melaka* Kertas Bil 1/2005 (JIHPNM) yang dibentangkan dalam Mesyuarat Jawatankuasa Islam Hadhari Peringkat Negeri Melaka JIHPNM Bil 1/2005, yang diadakan pada 2.3.2005 di Jabatan Agama Islam Melaka.
- JASA. (2004). *Islam Hadhari: Perjuangan Menjadikan Malaysia Sebuah Negara Islam Yang Maju, Progresif dan Moderate*, KPG Resources Sdn Bhd, Kuala Lumpur.
- JPM Projek Khas Y.A.B P.M, (2004). *Aktiviti Projek Khas Islam Hadhari Y.A.B Perdana Menteri (P.M) fasa Kedua Tahun 2004-2008*, Jabatan Perdana Menteri, Putra Jaya.
- Kementerian Penerangan Malaysia (KPM) Bahagian Gerak Saraf dan Perang Saraf (GSPS), (2005). *Program dan Aktiviti Gerak Saraf dan Perang Saraf (GSPS) Fasa 1 2005*, Kertaskerja Dibentang Dalam Bengkel Pengoperasian Bagi Menghadapi Pilihanraya Umum 2008/9, Bhg GSPS Kementerian Penerangan Malaysia Mac 2005.
- Nordin Ibrahim. (2005). *Pandangan Mengenai Organisasi Islam Hadhari di Malaysia*, Sekretariat Islam Hadhari JAKIM, Putrajaya, temubual 8. Mac 2005.
- Nordin Ibrahim. (2005). *Pandangan Mengenai bahan-Bahan Penerbitan Islam Hadhari*, Sekretariat Islam Hadhari JAKIM, Putrajaya, temubual 8 Mac 2005.
- Utusan Malaysia. (2005). *Syor Keng Yaik Dibantah ( NGO terkejut isu agama diguna tolak dasar kerajaan perkasakan SK)*, dalam Utusan Malaysia, 3 Mei 2005.
- Zainal Abidin Abdul Kadir. (2004). *Pembudayaan Islam Hadhari Di Malaysia: Satu Ulasan*, Jabatan Hal Ehwal Khas (JASA) Kementerian Penerangan Malaysia, Kuala Lumpur.